

TARIKH	05 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	Setempat

Tak beban jemaah

KELANA JAYA: Proses pendaftaran jemaah haji di Kompleks Tabung Haji, di sini, lancar sejak musim haji bermula tiga minggu lalu.

Pengarah Operasi Haji Tanah Air Stesen Kelana Jaya, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, prosedur yang perlu dipatuhi jemaah masih sama seperti tahun sebelum ini dan tiada perubahan yang membebankan jemaah ketika berada di kompleks itu sebelum berangkat ke Tanah Suci.

"Sejak musim haji bermula pertengahan bulan lalu, proses pendaftaran jemaah sebelum berangkat ke Makkah tidak berdepan masalah dan ia berjalan lancar kerana rata-rata jemaah mematuhi peraturan dan arahan," katanya.